

BAB

1

PENGENALAN




LATAR BELAKANG DPF DESA NEGARA

DPF Desa Negara merupakan dasar pembangunan desa yang pertama di Malaysia berbentuk spatial. Usaha untuk mengintegrasikan perancangan spatial dalam dasar pembangunan desa ini merupakan suatu cabaran kerana desa dan kampung senang berubah dan bertukar (*fluid*). DPF Desa Negara 2030 disediakan selaras dengan langkah pertama berdasarkan Pelan Indikatif 9 di dalam RFN Ke-2 yang menyatakan keperluan terhadap sebuah dasar pembangunan desa negara. Dasar ini bertujuan mewujudkan perancangan holistik bagi pembangunan desa dan melengkapkan Dasar Perbandaran Negara yang disediakan untuk kawasan bandar di Malaysia. DPF Desa Negara berbentuk '*operational plan*' yang merangkumi aspek sosial, ekonomi, alam sekitar, pengangkutan, infrastruktur, utiliti, warisan, pengurusan dan mekanisme pemantauan. DPF Desa Negara ini menyediakan pernyataan dasar, strategi dan langkah-langkah pencapaian mengikut tema dan teras bagi merealisasikan visi pembangunan desa sehingga tahun 2030.


Fasa Penyediaan DPF Desa Negara



Satu sistem sokongan juga dibangunkan khusus untuk DPF Desa Negara iaitu *Characteristics of Rural Malaysia System* (CHARMs) yang mengandungi kriteria kemampuan desa, berperanan sebagai alat untuk menyokong membuat keputusan perancangan dan pembangunan desa serta pemantauan pelaksanaan DPF Desa Negara.



Rajah 1.1 : Jumlah Kampung dan JKKK Mengikut Negeri



Sumber : DPF Desa Negara, 2016.

Nota:

1. Jumlah kampung adalah termasuk kampung induk dan kampung rangkaian.
2. Jumlah kampung tidak termasuk 308 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR).

KRONOLOGI DPF DESA NEGARA

DPF Desa Negara bermula pada September 2014 dan mengambil masa 24 bulan untuk disiapkan. Tiga laporan utama yang disediakan adalah Laporan Awal DPF Desa Negara (Disember 2014), DPF Desa Negara Awal (Oktober 2015) dan DPF Desa Negara Akhir (September 2016) dengan melibatkan pelbagai sesi kolaborasi, verifikasi dan penyelarasan seperti berikut:

Serahan Borang Maklumat Asas Kampung

Mesyuarat Penyelarasan Maklumat Asas Kampung Bagi Semua Daerah Semenanjung Malaysia dan WP Labuan (**Mac 2015**)

Penerimaan Borang Maklumat Asas Kampung

Mesyuarat Penyerahan Semula Borang Maklumat Asas Kampung Bagi Semua Daerah Semenanjung Malaysia dan WP Labuan (**April 2015**)

Verifikasi Pertama

Mesyuarat Verifikasi Data Asas Kampung (Sistem CHARMS) Bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan (**April 2015**)

Mesyuarat FGD

Maklum Balas Awal Kajian DPF Desa Negara – Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan (**Ogos 2015**)

Verifikasi Kedua

Verifikasi Maklumat Fizikal Kampung Peringkat Kedua Bagi Sistem Ciri-ciri Desa Malaysia (CHARMs) (**April 2016**)

Stakeholder Engagement

Perbincangan Bersama Semua Pejabat Daerah Semenanjung Malaysia dan WP Labuan Berkaitan Maklumat Kampung / Pekan / PPD (**Julai - Ogos 2016**)

Mesyuarat FGD Peringkat Negeri dan Persekutuan

Membuat Semakan dan Persetujuan Daripada Pentadbiran Peringkat Daerah dan Persekutuan Berkaitan Cadangan Dasar dan Strategi (**Ogos 2016**)

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu (**November 2016**) dan Majlis Perancangan Fizikal Negara (**2017**)



Pelbagai sesi FGD dan mesyuarat telah dijalankan sepanjang penyediaan DPF Desa Negara.